

PROGRAM PEMULIHAN S'PURA BERKESAN

Azahar Mohd

Berita Harian, 25 February 2009

DUA pertiga daripada mereka yang terlibat dalam kegiatan pengganasan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sejak 2001 telah dibebaskan selepas menjalani pemulihan dan kembali ke pangkuan masyarakat.

Walaupun mereka telah menjauhkan diri daripada kegiatan pengganasan, Kementerian Ehwat Dalam Negeri (MHA) masih terus memantau mereka dengan rapi, menurut Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Kedua Ehwat Dalam Negeri, Encik K. Shanmugam.

'Sekiranya saya boleh memberi contoh, sekiranya ada bom, anda boleh mematikan bom itu dan anda tahu anda telah memamatkannya.

'Sekiranya anda bom manusia, satu-satunya cara untuk memamatkannya ialah mengasingkan mereka daripada bahaya, selami minda, menerapkan hakikat bahawa jalan yang mereka pilih adalah terpesong dan mengubahnya.

'Anda berharap dengan peralatan yang sesuai, pendekatan psikologi dan pendekatan agama, anda mampu mengubahnya,' ujar Encik Shanmugam lagi.

Beliau berkata demikian sewaktu merasmikan Persidangan Antarabangsa bagi Pemulihan Pengganasan di Hotel Goodwood Park, semalam.

Persidangan tiga hari itu dianjurkan Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) dan Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS) yang dihadiri lebih 200 pakar termasuk pegawai dari pusat tahanan Guantanamo Bay dan Iraq.

Sewaktu perasmian semalam, Encik Shanmugam turut merasmikan laman baru untuk memerangi idea pengganasan, P4Peace.com.

Menurut Encik Shanmugam, usaha pemulihan yang berkesan bukanlah mudah.

Setiap negara mempunyai konteks keselamatan, budaya dan sosial yang unik dan faktor-faktor yang boleh membawa seseorang kepada (atau menjauhi) pengganasan juga berbeza dari satu negara ke satu negara yang lain.

Beliau berkata agak sukar meramalkan dengan tepat kadar kebentanan pengganasan atau kadar tahanan yang dibebaskan kembali berjuang di barisan depan.

Namun pandangannya berubah apabila beliau mendengar kejayaan program pemulihan Amerika Syarikat di Iraq.

Sebelum program pemulihan, lebih 15 peratus tahanan yang dibebaskan kembali berjuang di medan pertempuran. Namun selepas menjalani pemulihan, kadar itu berkurangan sepertiga.

Difahamkan, program pemulihan tahanan yang kini diusahakan Amerika Syarikat di Iraq yang melibatkan keluarga dan asatizah memanfaatkan kepakaran yang diusahakan RRG dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (ISD).

Seorang asatizah setempat yang meminta namanya dirahsiakan berkata para asatizah setempat di dalam RRG telah membantu melatih pegawai tentera Amerika Syarikat sejak beberapa tahun yang lalu.

Para pegawai tentera Amerika Syarikat itu kemudian menyesuaikan latihan yang diterima termasuk dengan mengambil asatizah-asatizah setempat dari Iraq bagi membantu pemulihan tahanan mereka.

Ketika diminta mengulas usaha Singapura, pakar psikologi sosial dari Universiti Maryland, Profesor Arie Kruglanski, berkata program pemulihan Singapura bagi pengganas bukan sahaja berkesan malah 'bijak, intuitif dan berniat baik.'

Namun Profesor Kruglanski mahu supaya sistem penilaian lebih sistematik dilaksanakan supaya perubahan sikap tahanan dan mereka yang masih ditahan dapat dipantau.

'Kita perlu melihat individu yang tidak didedahkan kepada program pemulihan kerana kadangkala perubahan boleh berlaku atas sebab yang tiada kena-mengena dengan program itu.

'Kita perlu melihat pelbagai faktor yang membawa atau menyekat perubahan sikap ini,' tambahnya lagi.